

Wakil BN akan dapat peruntukan

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

TANGKAK, Sabtu. — Semua Ahli Parlimen Barisan Nasional akan menerima semula peruntukan bagi projek-projek kecil berjumlah \$100,000 seorang, tahun depan.

Peruntukan itu adalah separuh dari peruntukan yang diterima oleh Ahli-ahli Parlimen, sebelum ia dibekukan awal tahun ini.

Berita gembira itu diumumkan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

dalam jamuan meraikan Ahli-ahli Parlimen BN di kediamannya, 2 November lalu.

"Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan Ahli-ahli Parlimen itu menggunakan peruntukan tersebut bagi membiayai projek-projek yang boleh menggerakkan pemikiran rakyat," kata Menteri Penerangan, Datuk Seri Mohd Adib Adam.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan kursus kepimpinan dan pentadbiran Umno Bahagian Ledang, beliau berkata, berita itu sungguh mengembirakan Ahli-ahli

Parlimen BN.

Katanya, dengan penarikan balik pembekuan itu, Ahli-ahli Parlimen akan dapat merapatkan lagi jurang dan keperluan orang-orang kampung yang masih diperlukan.

"Ahli-ahli Parlimen juga akan dapat mendahulukan projek-projek kecil seperti membaiki titi dan projek-projek pembangunan kecil lain yang memerlukan tindakan segera," jelasnya.

Bagaimanapun, menurutnya, projek yang tidak ada kena mengena dengan pembangunan seperti membeli bola, pinggan mangkuk dan kompong, tidak digalakkan.

Tambahnya, keputusan Perdana Menteri ini juga bolehlah disifatkan sebagai kedudukan kewangan negara masa ini telah menunjukkan beberapa kemajuan yang menggalakkan.

Datuk Seri Dr Mahathir telah membekukan peruntukan \$200,000 yang diberi kepada Ahli-ahli Parlimen awal tahun ini sebagai satu dari usaha kerajaan untuk berjimat cermat.

Perdana Menteri, masa itu, bagaimanapun berjanji, pembekuan itu akan ditarik balik setelah ekonomi negara pulih dan kedudukan kewangan mantap.